

Aksara Merdeka: Terbela atau Terbiar?

Perdebatan tentang isu bahasa kebangsaan di kebanyakan negara bekas tanah jajahan tidak pernah selesai sehingga hari ini. Di India misalnya, isu bahasa kebangsaan telah menjadi polemik politik yang berpanjangan, khususnya antara bahasa Hindi, Inggeris dan bahasa peribumi yang lain. Menurut Vijay Jaiswal (2013) dalam *Language Issues in India*, ketika gerakan pembebasan India, terdapat persetujuan dalam kalangan pemimpin untuk menggantikan bahasa Inggeris dengan bahasa India sebagai bahasa kebangsaan. Namun begitu, sehingga hari ini,

masih tidak ada kata sepakat yang dicapai untuk memilih salah satu daripada 22 bahasa rasmi yang terdapat di India menjadi bahasa kebangsaan tunggal. Walaupun bahasa Hindi termaktub dalam Perlembagaan India sebagai bahasa kebangsaan, namun begitu, bukan mudah bagi bahasa Hindi untuk menjadi bahasa utama di negara kedua paling ramai penduduk di dunia itu.

Di samping itu, hal yang sama juga berlaku di New Zealand. Terdapat pertembungan antara bahasa Te Reo Maori dengan *New Zealand Sign Language* yang menjadi bahasa rasmi, dengan

bahasa Inggeris yang bukan bahasa rasmi di negara Kiwi itu. Menurut Amber-Leigh Woolf (2015) dalam petisyen beliau *Make English an Official Language in New Zealand*, isu bahasa rasmi di New Zealand telah menarik perhatian Robin Bishop, untuk mengemukakan petisyen bagi menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi di New Zealand. Petisyen ini dikemukakan berasaskan kedudukan bahasa Inggeris yang sangat meluas penggunaannya dalam semua bidang di New Zealand. Di samping itu, pengukuhan bahasa Inggeris dalam bidang pendidikan di New

Zealand dapat dilihat dalam *The New Zealand Curriculum Framework* atau dikenali sebagai *Te Anga Matauranga o Aotearoa* (1993). Pertembungan ini sudah tentu memberikan impak yang cukup besar kepada bahasa Maori yang pernah dilarang penggunaannya oleh Inggeris pada abad ke-19.

Di Malaysia, sejarah bahasa Melayu semasa era penajahan Inggeris berada dalam keadaan lemah dan terpinggir. Menurut Raja Mukhtaruddin Raja Mohd Dain (1992) dalam bukunya *Pembinaan Bahasa Melayu: Perancangan Bahasa di Malaysia*, bahasa Melayu hanya digunakan di sekolah-sekolah Melayu sehingga peringkat rendah sahaja. Keadaan ini telah melahirkan orang Melayu kelas rendah yang hanya layak menyandang jawatan sebagai guru pelatih. Manakala, bahasa Inggeris yang diajarkan di sekolah aliran Inggeris berakhir sehingga pada peringkat universiti. Hal yang sedemikian ini telah melahirkan kelompok masyarakat kelas menengah yang terdiri daripada guru, doktor, peguam, jurutera dan individu berpengaruh dalam masyarakat. Impak daripada aliran sistem pendidikan yang berbeza ini telah membina jurang sosial dan kebudayaan antara golongan elit Melayu yang berpendidikan Inggeris, dengan orang Melayu yang berpendidikan Melayu. Natijahnya, bahasa Melayu yang sebelum itu megah sebagai *lingua franca* ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka dan alam Melayu, akhirnya hanya berfungsi sebagai bahasa pasar bagi orang Melayu, Cina dan India yang berkedudukan rendah dalam masyarakat.

Menurut Raja Mukhtaruddin Raja Mohd Dain (1992) lagi, dari segi politik dalam pemerintahan demokrasi, pengangkatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara mendapat

sokongan daripada seluruh orang Melayu. Pada peringkat permulaan dahulu, isu tersebut digunakan oleh ahli-ahli politik untuk mengumpulkan sokongan daripada orang Melayu yang merupakan bahagian besar daripada rakyat yang boleh mengundi. Namun begitu, lama-kelamaan timbul ahli-ahli politik dalam parti lain yang memperjuangkan kedudukan bahasa Cina, Tamil dan Inggeris. Isu tersebut menyebabkan berlakunya pergeseran kaum yang hangat yang berakhir dengan satu pergaduhan kaum di ibu negara, Kuala Lumpur pada 13 Mei 1969. Di samping itu, terdapat kelemahan di pihak kerajaan untuk memperjuangkan bahasa Melayu, khususnya dalam bidang pendidikan. Menurut Zainal Abidin bin Abdul Wahid (1978) dalam *Semangat Perjuangan Melayu*, pelaksanaan Penyata Razak yang menjadi asas Ordinan Pelajaran 1957, tidak dilaksanakan dengan berkesan sehingga menyebabkan ramai guru Melayu berasa tidak puas hati dan keluar beramai-ramai daripada UMNO. Rentetan daripada peristiwa tersebut, dapat dirumuskan bahawa telah wujud sentimen ketidakpercayaan terhadap kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di negara ini pada awal kemerdekaan lagi.

Selain itu, peminggiran bahasa Melayu sebagai aksara merdeka semakin ketara sejak kebelakangan ini. Dalam bidang pendidikan, bahasa Melayu semakin jauh ketinggalan berbanding bahasa Inggeris. Pada peringkat sekolah rendah dan menengah, *Dual Language Program* (DLP) semakin mengambil fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar bagi mata pelajaran matematik dan sains. DLP merupakan program dwibahasa yang diperkenalkan

Selain itu, peminggiran bahasa Melayu sebagai aksara merdeka semakin ketara sejak kebelakangan ini. Dalam bidang pendidikan, bahasa Melayu semakin jauh ketinggalan berbanding bahasa Inggeris.

di bawah dasar "Memartabatkan Bahasa Malaysia, Memperkukuh Bahasa Inggeris" (MBMMBI). Program ini memberikan pilihan kepada sekolah-sekolah yang memenuhi kriteria, untuk mengadakan sesi pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Inggeris sepenuhnya selain bahasa Melayu bagi mata pelajaran Matematik, Sains, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, serta Reka Bentuk dan Teknologi. Secara teori, pelaksanaan DLP amat baik untuk meningkatkan penguasaan bahasa pelajar. Namun begitu, konsep DLP yang diperkenalkan di Malaysia lebih mengutamakan bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu. Hal yang sedemikian ini sangat berlainan dengan program DLP yang dilaksanakan di Spain yang mengajarkan pelajar menggunakan dua bahasa secara serentak (dwibahasa).

Pada peringkat pendidikan tinggi, bahasa Melayu tidak diwajibkan kepada pelajar universiti awam yang mengikuti program ijazah sarjana muda. Dalam buku *Garis Panduan Mata Pelajaran Pengajian Umum*



Edisi Kedua (2016), Kementerian Pendidikan Tinggi, bahasa Melayu hanya ditawarkan kepada pelajar antarabangsa, iaitu bagi kursus Bahasa Melayu Komunikasi 2. Manakala bagi Bahasa Kebangsaan A, kursus tersebut hanya ditawarkan khas bagi pelajar warganegara yang tidak mendapat kredit bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia yang sudah tentunya tidak ada di universiti awam. Perubahan ini ternyata tidak senada dengan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), yang jelas memperuntukkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara. Di samping itu, impak globalisasi dan pengantarabangsaan pendidikan di Malaysia, turut memberikan kesan kepada bahasa Melayu. Pada hari ini, bahasa Inggeris telah menjadi bahasa pengantar utama hampir kesemua kursus di universiti awam. Paling tragis, penuntut pengajian Melayu di universiti awam pula semakin berkurangan sejak kebelakangan ini. Perkara yang sedemikian ini merupakan satu petanda yang kurang sihat

terhadap perkembangan bahasa Melayu di Malaysia.

Peminggiran bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar utama dalam bidang pendidikan semakin ketafa di Sarawak. Sejak pengumuman bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua rasmi di negeri tersebut, kedudukan bahasa Melayu kian tersisih di Bumi Kenyalang. Dalam laporan yang dipetik daripada *sarawakvoice.com* pada 31 Mei 2017, Datuk Seri Michael Manyin Jawong, Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi Sarawak yang baharu telah mengeluarkan arahan agar semua sekolah di negeri ini menyediakan dua papan tanda yang menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di dalam premis bangunannya. Di samping itu, beliau juga mengesa agar semua warga sekolah, termasuk ibu bapa, menggunakan bahasa Inggeris semasa berada di luar bilik darjah, termasuk digunakan dalam perhimpunan sekolah agar budaya berbahasa Inggeris dapat dipertingkatkan. Tumpuan yang luas terhadap bahasa Inggeris

turut diterjemahkan dalam bentuk peruntukan dana yang besar daripada kerajaan negeri melalui penubuhan makmal *Science, Technology, Engineering and Mathematics* (STEM) yang sudah tentu menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

Meneliti perkembangan di atas, ternyata bahasa Melayu semakin jauh ketinggalan dalam semua bidang. Rakyat Malaysia sendiri tidak lagi menghormati bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Natiujahnya, bahasa Melayu tidak lagi menjadi bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara, tidak digunakan untuk menamakan tempat, dan tidak ada kedudukan istimewa dalam pembentukan dasar-dasar baharu kerajaan. Sebaliknya, bahasa Melayu hanya digunakan dalam majlis-majlis yang berteraskan perjuangan bahasa Melayu atau syarahan-syarahan yang membicarakan kepentingan bahasa Melayu. Paling mengecewakan, orang Melayu sendiri tidak berminat untuk mendaulatkan bahasa Melayu sebagai warisan budaya bangsa

Natiujahnya, bahasa Melayu tidak lagi menjadi bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara, tidak digunakan untuk menamakan tempat, dan tidak ada kedudukan istimewa dalam pembentukan dasar-dasar baharu kerajaan.

nenek moyang mereka. Malah, pada hari ini, ramai orang Melayu tidak sedar akan kepentingan bahasa Melayu sebagai penentu identiti bangsa mereka, seperti yang termaktub dalam Perkara 160 (2), Perlembagaan Persekutuan. Kehilangan bahasa Melayu di bumi Malaysia bukan sekadar musibah, tetapi turut menjejaskan status dan hak istimewa orang Melayu yang sering kali dibanggakan pada masa kini.

Sikap orang Melayu terhadap bahasa ibunda mereka amat berlainan dengan sikap orang Cina yang ada di Malaysia. Mereka sanggup bermati-matian untuk mempertahankan bahasa dan warisan budaya Cina, walaupun berada jauh dari tanah asal nenek moyang mereka. Sekolah jenis kebangsaan Cina yang diuruskan menggunakan dana persendirian, telah berkembang dengan pesat. Bahasa Mandarin pula semakin luas penggunaannya di Malaysia. Di samping itu, ketika orang Melayu dan rakyat Malaysia janggal untuk berbahasa Melayu, pekerja-pekerja asing yang bekerja di negara ini pula, telah mendapat laba yang besar hasil daripada penggunaan bahasa Melayu dalam sektor pekerjaan, perfileman dan ekonomi. Antaranya termasuklah Daniel Tyler atau lebih dikenali sebagai Mat Dan yang berasal dari Bristol, England, telah berjaya membina kerjayanya sebagai pengacara bagi program *Mat Dan Kaki Jalan dan Haramain Backpackers* selain itu, dalam Berita Harian 13 Januari 2015, dilaporkan berita tentang penguasaan warga asing dalam bidang perniagaan di Malaysia. Di Kuala Lumpur misalnya, ramai warga Thailand berniaga restoran tomyam, warga India bekerja di kedai gunting rambut dan restoran

mamak, warga Indonesia pula mendominasi perniagaan runcit, manakala pendaatang Myanmar berniaga sayur di pasar borong dan ada yang menjadi kontraktor binaan. Menariknya, kesemua urusan mereka dikendalikan dalam bahasa Melayu. Hal ini jelas membuktikan bahawa bahasa Melayu juga mempunyai nilai ekonomi sehingga berupaya menjana pendapatan kepada warga asing yang mencari rezeki di Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, minat dan penerimaan orang luar terhadap bahasa Melayu sebenarnya belum cukup untuk memperkukuh kedudukan bahasa Melayu di Malaysia. Sebagai bahasa kebangsaan, bahasa Melayu harus disebar luas pemakaiannya dalam kalangan rakyat Malaysia sendiri. Kita wajar mencontohi Korea memperkembangkan bahasa mereka melalui kecanggihan teknologi, muzik, drama, animasi, makanan dan pelancongan. Menurut Larry Gordon (2015) dalam *Korean-Language Classes are Growing in Popularity at U.S. Colleges*, bilangan pelajar yang mengikuti kursus bahasa Korea di kolej dan universiti di Amerika Syarikat menunjukkan pertambahan peratusan terbesar. Dalam laporan *The Modern Language Association*, pendaftaran bahasa Korea meningkat 45% dari tahun 2009 hingga 2013. Hal yang sedemikian ini jelas membuktikan bahawa bahasa yang kurang dikenali sepuluh tahun lalu seperti bahasa Korea, mampu menjadi bahasa terpenting pada abad ini hasil sokongan dan sikap patriotism yang tinggi dalam kalangan penuturnya. Sehubungan dengan itu, untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa yang dikenali, diminati dan dipelajari, asasnya bermula dalam diri rakyat

Dalam kalangan rakyat juga, bahasa Melayu mula dilupakan sebagai asas pembinaan negara bangsa dan tali penghubung ikatan perpaduan antara kaum di negara ini.

Malaysia itu sendiri.

Tahun ini genap 60 tahun Malaysia bebas daripada cengkaman penjajah. Sepanjang enam dekad ini juga, pelbagai perancangan dan dasar baharu telah dirancang, termasuk Tranformasi Nasional 50 (TN50) yang berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju. Namun begitu, hal yang merisaukan, kedudukan bahasa Melayu tidak jelas dalam setiap dasar dan program yang dirancang.

Dalam kalangan rakyat juga, bahasa Melayu mula dilupakan sebagai asas pembinaan negara bangsa dan tali penghubung ikatan perpaduan antara kaum di negara ini. Hal ini dikatakan demikian kerana pada hari ini, semua usaha lebih ditumpukan untuk memperkasakan bahasa Inggeris sebagai bahasa yang dikatakan dapat memacu Malaysia menjadi sebuah negara maju. Keghairahan ini, walaupun tidak berpaksikan fakta yang kukuh, telah memberikan impak yang cukup besar kepada bahasa Melayu sebagai aksara merdeka. Natiujahnya, aksara merdeka yang kita sanjung dan junjung pada awalnya, terbiar dan mati di tangan bangsanya sendiri. Hilang bahasa, lenyaplah bangsa. DB

